

BAB 4

ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN PENYELIDIKAN

4.0 Pengenalan.

Data yang terkumpul melalui keputusan ujian telah dianalisis secara berasingan. Data soalan ujian telah dianalisis melalui dua jenis ujian iaitu soalan aneka pilihan (Kertas I) dan ujian soalan esei (Kertas 2).

Data soalan aneka pilihan dibuat bertujuan untuk melihat sejauhmana pelajar dapat menguasai bahasa dalam penggunaan laras ekonomi yang diberi dalam soalan Ekonomi Asas. Data soalan aneka pilihan ini akan dianalisis mengikut empat elemen penting:

- a. sebaran markah seluruh ujian
- b. kekerapan kesilapan pelajar dari segi penguasaan bahasa secara keseluruhan.
- c. kekerapan kesilapan pelajar dari segi penguasaan bahasa mengikut tajuk 1 hingga 8.

Ujian soalan esei pula dibuat bertujuan untuk melihat kesilapan yang dilakukan sendiri oleh pelajar dalam penulisan laras ekonomi. Kajian hanya akan ditumpukan kepada penguasaan bahasa sahaja. Data soalan esei ini dianalisis berdasarkan:

- a. kekerapan kesilapan penguasaan bahasa secara keseluruhan.
- b. kekerapan kesilapan penguasaan bahasa dari aspek struktur ayat.
- c. kekerapan kesilapan penguasaan bahasa dari sudut penggunaan istilah.
- d. kekerapan kesilapan penguasaan bahasa dari sudut morfologi.

Manakala data soal selidik yang dianalisis berdasarkan elemen-elemen yang berikut:

- a. minat pelajar untuk belajar Ekonomi Asas.
- b. penggunaan bahasa dalam pertuturan.
- c. kebolehan pelajar dalam menguasai Bahasa Melayu.
- d. bagaimana bahasa guru mempengaruhi pelajar dalam penguasaan bahasa.
- e. kebolehan pelajar memahami istilah ekonomi.

4.1 Kesilapan Jawapan Soalan Aneka Pilihan

Kesilapan pelajar dalam menguasai bahasa ini dapat dilihat melalui kefahaman pelajar terhadap laras ekonomi yang diberi melalui soalan aneka pilihan. Data diambil daripada 50 sampel yang menjawab 40 soalan aneka pilihan.

4.1.1 Analisis Data Sebaran Markah Seluruh Ujian

Markah maksimum bagi ujian aneka pilihan ialah 40 markah. Kekerapan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dapat dilihat melalui lampiran 6. Daripada data didapati markah yang paling sedikit diperolehi oleh pelajar ialah sebanyak 14 markah sementara markah yang paling banyak ialah 31 markah. Secara amnya sebaran markah seluruh ujian dapat dilihat seperti jadual di bawah:

Markah	Kekerapan	
	Bilangan	Peratus
10 - 15	1	2.0
16 - 20	3	6.0
21 - 25	24	48.0
26 - 30	21	42.0
31 - 35	1	2.0
36 - 40	-	-
Jumlah	50	100.0

Jadual 1: Sebaran Markah Seluruh Ujian.

Jadual di atas menunjukkan sebaran markah seluruh ujian bagi kertas objektif Ekonomi Asas. Daripada jadual didapati seramai 1 orang pelajar (2.0%) memperolehi markah antara 10-15, 3 orang pelajar (6.0%) memperolehi markah antara 16-20, 24 orang pelajar (48.0%) memperolehi markah antara 21-25, 21 orang pelajar (42.0%) mendapat markah antara 26-30 dan 1 orang pelajar (2.0%) mendapat markah antara 31-35. Tidak ada seorang pelajar pun yang berjaya mendapat markah antara 36-40.

Daripada analisis yang dibuat didapati bahawa kebanyakan pelajar hanya menguasai sebahagian sahaja daripada bahagian objektif yang dikemukakan. Markah yang paling banyak diperolehi oleh pelajar ialah dalam lingkungan 21-25 iaitu seramai 24 orang atau 48.0% daripada jumlah sampel. Markah yang paling kurang diperolehi oleh pelajar ialah markah yang berada dalam lingkungan 10-15 dan 31-35 yang mana masing-masing melibatkan hanya 2.0% pelajar sahaja.

4.2 Kekekapan Kesilapan Pelajar Dari Segi Penguasaan Bahasa Secara Keseluruhan.

Analisis data soalan aneka pilihan ini dibuat melalui 3 elemen penting yang diperolehi hasil daripada perbincangan pengkaji dengan pelajar di dalam bilik darjah. Penguasaan bahasa hanya akan dilihat melalui 3 elemen iaitu kesilapan jawapan pelajar akibat daripada tidak dapat memahami ayat-ayat yang diberi dalam soalan, kekeliruan pelajar mengenai istilah-istilah dan tidak memahami morfologi.

Jenis Kesilapan	Kekerapan	
	Bilangan	Peratus
Tidak faham ayat	166	21.6
Keliru istilah	340	44.3
Tidak faham morfologi	76	9.9
Sebab-sebab lain	185	24.1
Jumlah	767	100.0

Jadual 2: Perbandingan Kesilapan Bahasa Secara Keseluruhan

Daripada jadual didapati jumlah kesilapan secara keseluruhan yang dilakukan oleh pelajar ialah sebanyak 767 kesilapan. Daripada 767 kesilapan itu didapati bahawa 166 kesilapan (21.6%) adalah disebabkan oleh pelajar tidak memahami ayat yang digunakan dalam laras ekonomi yang diberi. 340 kesilapan (44.3%) pula adalah disebabkan oleh kekeliruan istilah, 76 kesilapan (9.9%) disebabkan oleh pelajar tidak memahami aspek morfologi. 185 kesilapan lagi (24.1%) adalah disebabkan oleh sebab-sebab lain seperti tidak memahami konsep pengiraan dan tidak mengetahui maklumat. Data yang dianalisis juga menunjukkan bahawa kekerapan kesilapan penguasaan bahasa oleh pelajar berlaku kebanyakannya disebabkan oleh kekeliruan memahami istilah ekonomi iaitu meliputi 44.3% daripada jumlah seluruh kesilapan yang dikaji.

4.2.1 Kekerapan Kesilapan Penggunaan Bahasa

Mengikut Tajuk.

Data soalan aneka pilihan ini dianalisis berdasarkan tajuk-tajuk yang terdapat dalam Ekonomi Asas Tingkatan 4 dan 5. Tajuk-tajuk ini dibahagikan kepada 8 tajuk besar. Analisis mengikut tajuk dibuat kerana terdapat beberapa tajuk yang dikaji itu susah difahami oleh pelajar dan ada yang senang difahami.

Kesilapan bahasa	Kekerapan	
	Bilangan	Peratus
Ayat	11	33.3
Istilah	18	54.6
Morfologi	4	12.1
Jumlah	33	100.0

Jadual 3: Kekerapan Kesilapan Penguasaan Bahasa

Oleh Pelajar Bagi Tajuk 1

Berdasarkan jadual di atas didapati sebanyak 33 kesilapan dilakukan itu, 11 kesilapan dilakukan kerana tidak memahami ayat iaitu melibatkan 33.3% daripada jumlah seluruh kesilapan. 18 kesilapan atau 54.6% pula disebabkan oleh kekeliruan pelajar terhadap istilah dan 4 kesilapan atau 12.1% adalah disebabkan oleh tidak memahami morfologi. Kesilapan yang paling banyak dilakukan dalam tajuk ini ialah disebabkan kekeliruan istilah.

Kesilapan bahasa	Kekerapan	
	Bilangan	Peratus
Ayat	31	32.6
Istilah	50	52.7
Morfologi	14	14.7
Jumlah	95	100.0

*Jadual 4: Kekerapan Kesilapan Bahasa Oleh Pelajar
Bagi Tajuk 2.*

Berdasarkan jadual di atas didapati sebanyak 95 kesilapan bahasa dilakukan dalam tajuk 2. Daripada 95 kesilapan yang dilakukan, 31 kesilapan dilakukan kerana tidak memahami ayat. Ini melibatkan 32.6% daripada keseluruhan kesilapan. Dari segi istilah pula, sebanyak 50 kesilapan telah dilakukan oleh pelajar dalam bab

ini. Jumlah kesilapan ini merupakan 52.7% daripada keseluruhan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Sementara itu kesilapan morfologi yang dilakukan adalah sebanyak 14 kesilapan iaitu melibatkan 14.7% daripada jumlah kesilapan.

Kesilapan bahasa	Kekerapan	
	Bilangan	Peratus
Ayat	16	41.0
Istilah	22	56.4
Morfologi	1	2.6
Jumlah	39	100.0

*Jadual 5: Kekerapan Kesilapan Penguasaan Bahasa
Bagi Tajuk 3.*

Berdasarkan jadual di atas didapati sebanyak 39 kesilapan bahasa telah dilakukan oleh pelajar dalam tajuk ini. Daripada 39 kesilapan itu, 16 kesilapan atau 41.0% ialah kesilapan dari segi ayat, 22 kesilapan iaitu 56.4% adalah kesilapan dari segi istilah dan hanya 1 kesilapan atau 2.6% adalah kesilapan dari segi morfologi. Kesilapan yang paling banyak dilakukan dalam bab ini ialah kesilapan istilah iaitu sebanyak 22 kesilapan.

Kesilapan bahasa	Kekerapan	
	Bilangan	Peratus
Ayat	11	13.9
Istilah	52	65.8
Morfologi	16	20.3
Jumlah	79	100.0

*Jadual 6: Kekerapan Kesilapan Penguasaan Bahasa
Bagi Tajuk 4.*

Berdasarkan jadual di atas didapati sebanyak 79 kesilapan telah dilakukan di dalam tajuk 4 ini. Daripada 79 kesilapan yang dilakukan, 11 kesilapan dilakukan kerana tidak memahami ayat. Ini merupakan 13.9% daripada keseluruhan kesilapan. Dari segi istilah pula sebanyak 52 kesilapan dilakukan iaitu merupakan 65.8% daripada jumlah kesilapan. Kesilapan morfologi pula adalah sebanyak 16 kesilapan iaitu 20.3% daripada keseluruhan kesilapan. Tajuk 4 juga telah menunjukkan bahawa kebanyakan kesilapan adalah dilakukan kerana kesilapan terhadap istilah ekonomi.

Kesilapan bahasa	Kekerapan	
	Bilangan	Peratus
Ayat	15	30.6
Istilah	28	57.1
Morfologi	6	12.3
Jumlah	49	100.0

Jadual 7: Kekerapan Kesilapan Penguasaan Bahasa

Tajuk 5.

Berdasarkan jadual di atas didapati sebanyak 49 kesilapan penguasaan bahasa telah dilakukan oleh pelajar bagi tajuk 5. Daripada jumlah kesilapan itu, 15 kesilapan dilakukan kerana tidak memahami ayat, 28 kesilapan kerana kekeliruan istilah dan 6 kesilapan kerana tidak memahami aspek morfologi. Kesilapan ayat adalah melibatkan 30.6% daripada jumlah kesilapan sementara kesilapan istilah dan morfologi masing-masing melibatkan 57.1% dan 12.3%. Tajuk ini juga telah menunjukkan bahawa kebanyakan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar adalah disebabkan oleh kekeliruan istilah.

Kesilapan bahasa	Kekerapan	
	Bilangan	Peratus
Ayat	17	20.7
Istilah	55	67.1
Morfologi	10	12.2
Jumlah	82	100.0

Jadual 8: Kekerapan Kesilapan Penguasaan Bahasa

Tajuk 6.

Berdasarkan jadual di atas didapati bahawa sebanyak 82 kesilapan telah dilakukan oleh pelajar dalam tajuk 6. Daripada 82 kesilapan itu didapati 17 daripadanya adalah disebabkan oleh pelajar tidak memahami ayat-ayat dalam laras ekonomi. Ini melibatkan 20.7% daripada jumlah kesalahan. Kesilapan dari segi istilah pula ialah sebanyak 55 kesilapan atau 67.1%. Kesilapan dari aspek morfologi pula hanya melibatkan 10 kesilapan atau 12.2%. Data daripada tajuk 6 ini juga menunjukkan bahawa kekerapan kesilapan dari segi tidak memahami atau keliru istilah adalah paling tinggi.

Kesilapan bahasa	Kekerapan	
	Bilangan	Peratus
Ayat	47	31.1
Istilah	86	57.0
Morfologi	18	11.9
Jumlah	151	100.0

Jadual 9: Kekerapan Kesilapan Penguasaan Bahasa

Tajuk 7.

Berdasarkan jadual di atas didapati bahawa sebanyak 151 kesilapan telah dilakukan oleh pelajar dalam menjawab tajuk 7. Daripada 151 kesilapan itu sebanyak 47 kesilapan dilakukan kerana pelajar tidak memahami ayat dalam laras ekonomi. Kesilapan ini merupakan 31.1% daripada keseluruhan kesilapan. 86 kesilapan dilakukan oleh pelajar kerana kekeliruan istilah. Kesilapan ini merupakan 57.0% daripada keseluruhan kesilapan. Sementara itu 18 kesilapan lagi dilakukan kerana pelajar tidak memahami morfologi. Ini melibatkan 11.9% daripada keseluruhan kesilapan. Bagi tajuk 7 juga telah didapati bahawa kebanyakan kesilapan pelajar adalah berlaku kerana kurang memahami istilah.

Kesilapan bahasa	Kekerapan	
	Bilangan	Peratus
Ayat	17	30.9
Istilah	31	56.4
Morfologi	7	12.7
Jumlah	55	100.0

Jadual 10: Kekerapan kesilapan Penguasaan Bahasa

Tajuk 8

Jadual di atas menunjukkan kekerapan kesilapan penguasaan bahasa yang dilakukan oleh pelajar semasa menjawab soalan di bawah tajuk 8. Keseluruhan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ialah sebanyak 55 kesilapan. Daripada 55 kesilapan itu 17 kesilapan dilakukan dalam aspek ayat. Ini melibatkan 30.9 daripada keseluruhan kesilapan. Kesilapan dari segi istilah pula sebanyak 31 kesilapan atau 56.4%. Ini merupakan kesilapan yang paling tinggi dilakukan oleh pelajar. Dari aspek morfologi pula sebanyak 7 kesilapan dilakukan oleh pelajar. Kesilapan ini merupakan 12.7% daripada keseluruhan kesilapan.

4.2 Analisis Jawapan Soalan Esei.

Kesilapan pelajar dalam menguasai bahasa juga dilihat melalui penulisan laras ekonomi yang ditulis sendiri oleh pelajar melalui jawapan soalan esei. Kajian ini dibuat melalui penulisan 50 pelajar sampel dalam menjawab soalan esei. Dua soalan esei disediakan daripada dua tajuk yang berlainan. 25 sampel diambil bagi setiap soalan yang dijawab.

Soalan 1

- a. Bagaimanakah masalah kekurangan diselesaikan oleh kerajaan dalam kegawatan ekonomi sekarang.
- b. Apakah perbezaan perkhidmatan Polis Diraja Malaysia dengan Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

Soalan 2.

- a. "Pengguna bekerja, menerima pendapatan dan membelanjakannya untuk memenuhi keperluan dan keinginan pada masa yang sama pengeluar menggunakan faktor-faktor pengeluaran untuk

menghasilkan barangan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan keinginan pengguna".

Terangkan hubungan di antara sektor isi rumah dan sektor firma berikut.

- b. Terangkan 4 jenis kos yang terlibat dalam proses pengeluaran sesuatu barang.

Rasional pengkaji memilih dua soalan tersebut sebagai kajian ialah kerana Soalan 1 merupakan soalan yang berkaitan dengan tajuk pertama Ekonomi Asas Tingkatan 4 sementara Soalan 2 merupakan soalan daripada tajuk terakhir Tingkatan 4. Jelaslah bahawa pengkaji sebenarnya ingin menggambarkan secara lebih jelas tentang penggunaan laras ekonomi oleh pelajar.

4.3.1 Analisis Kesilapan Penggunaan Bahasa Secara Keseluruhan.

Jenis Kesilapan	Kekerapan	
	Bilangan	Peratus
Ayat/ Sintaksis	76	26.8
Istilah	73	25.7
Morfologi	74	26.0
Lain-lain	61	21.5
Jumlah	284	100.0

Jadual 11: Kekerapan Kesilapan Keseluruhan

Berdasarkan jadual di atas didapati 76 kesilapan telah dilakukan oleh pelajar dalam bahagian ayat semasa menjawab soalan esei. Jumlah ini melibatkan 26.8% daripada semua kesilapan. Dalam bahagian istilah pula sebanyak 73 kesilapan telah dilakukan iaitu melibatkan 25.7% daripada keseluruhan kesilapan. Kesilapan dari aspek morfologi pula secara keseluruhan melibatkan 74 kesilapan atau 26.0% daripada jumlah kesilapan. Sementara kesilapan-kesilapan lain pula sebanyak 61 kesilapan iaitu meliputi 21.5% daripada jumlah kesilapan. Kesilapan-kesilapan itu meliputi kesilapan dari segi salah ejaan, penggunaan loghat daerah dan

menulis perkataan secara ringkas. Contohnya 'seperti' menjadi 'spt', 'yang' menjadi 'yg' dan lain-lain.

4.2.2 Analisis Kesilapan Struktur Ayat

Perkara	Kekerapan	
	Bilangan	Peratus
Soalan 1	44	57.9
Soalan 2	32	42.1
Jumlah	76	100.0

Jadual 12: Kekerapan Kesilapan Struktur Ayat.

Berdasarkan jadual di atas, didapati daripada sejumlah 76 kesilapan yang dilakukan oleh pelajar, 44 kesilapan adalah dilakukan dalam soalan 1. Ini meliputi sebanyak 57.9% daripada keseluruhan kesilapan. Bagi soalan 2 pula sebanyak 32 kesilapan telah dilakukan oleh pelajar sampel. Jumlah ini meliputi 42.1% daripada keseluruhan kesilapan ayat yang dilakukan oleh pelajar.

4.2.3 Analisis Kesilapan Istilah

Perkara	Kekerapan	
	Bilangan	Peratus
Soalan 1	36	49.3
Soalan 2	37	50.7
Jumlah	73	100.0

Jadual 13: Jadual Kesilapan Istilah.

Berdasarkan jadual di atas, didapati sebanyak 73 kesilapan dilakukan oleh pelajar secara keseluruhan. Daripada 73 kesilapan yang dilakukan itu 36 kesilapan dilakukan dalam menjawab soalan 1. Ini merupakan 49.3% daripada jumlah kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Bagi soalan 2 pula sebanyak 37 kesilapan telah dilakukan oleh pelajar iaitu melibatkan 50.7% daripada jumlah kesilapan dari aspek istilah.

4.2.3 Analisis Kesilapan Morfologi

Perkara	Kekerapan	
	Bilangan	Peratus
Soalan 1	42	56.8
Soalan 2	32	43.2
Jumlah	74	100.0

Jadual 14: Jadual Kesilapan Pelajar dari Aspek Morfologi.

Berdasarkan jadual di atas didapati jumlah kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dikaji dari aspek morfologi adalah sebanyak 74 kesilapan. Daripada 74 kesilapan itu 42 kesilapan morfologi adalah dilakukan dalam menjawab soalan 1. Ini meliputi 56.8% daripada jumlah kesilapan. 32 kesilapan morfologi pula dilakukan dalam soalan 2. Ini melibatkan 43.2% daripada jumlah kesilapan morfologi yang dilakukan dalam keseluruhan soalan. Kesilapan morfologi ini dilihat dari sudut penggunaan imbuhan, penggandaan dan akronim.

4.3 Analisis Soalan Soal Maklumat.

Data yang terkumpul melalui soalan soal maklumat telah dianalisis mengikut seksyen-seksyennya. Soal maklumat ini dilakukan untuk memberi gambaran yang lebih jelas lagi tentang penguasaan bahasa di kalangan pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mengambil mata pelajaran Ekonomi Asas. Selain daripada itu soalan soal maklumat juga dapat memberi sebab-sebab dan hubungkait kesilapan ujian yang dilakukan oleh pelajar-pelajar. Analisis ini telah dibahagikan kepada 4 seksyen seperti yang tersenarai dalam halaman pembukaan bab 4.

4.3.1 Minat Pelajar Terhadap Pelajaran Ekonomi Asas.

Minat merupakan faktor yang paling penting dalam mempengaruhi penguasaan Bahasa Melayu. Tanpa minat yang mendalam di dalam sesuatu mata pelajaran, adalah amat sukar untuk memastikan penguasaan bahasa dapat dilakukan dengan berkesan. Dengan adanya minat ke

atas sesuatu membolehkan setiap pelajar itu menggunakan sesuatu laras dengan berkesan.

Reaksi Pelajar	Kumpulan Sampel		Jumlah	Peratus
	L	P		
Minat	20	29	49	98.0
Tidak minat	0	0	0	0
Tiada jawapan	0	1	1	2.0
Jumlah	20	30	50	100.0

*Jadual 15: Minat pelajar terhadap pelajaran
Ekonomi Asas.*

Berdasarkan jadual di atas didapati daripada 50 pelajar yang dibuat kajian, semua 20 pelajar lelaki menyatakan mereka berminat dengan pelajaran Ekonomi Asas sementara pelajar perempuan pula seramai 29 pelajar menyatakan mereka berminat dan seorang tidak memberi jawapan. Ini bermakna secara keseluruhannya 98% pelajar didapati berminat untuk belajar Ekonomi Asas.

4.3.2 Bahasa Pertuturan Sehari-harian Pelajar.

Bahasa pertuturan sehari-harian pelajar juga merupakan faktor yang penting yang turut mempengaruhi penguasaan

bahasa pelajar dalam menggunakan laras ekonomi. Ini kerana bahasa pertuturan yang digunakan oleh pelajar akan terbawa-bawa dalam penulisan yang dibuat oleh pelajar dalam penulisan mereka. Bahasa pertuturan ini boleh jadi bahasa pertuturan dialek, bahasa pasar dan sebagainya yang bergantung kepada kedudukan sosial penutur dalam masyarakat. Soal maklumat bahasa yang dikaji telah dipecahkan kepada bahasa standard, bahasa tidak standard dan campuran bahasa standard dan bahasa tidak standard. Ringkasan bahasa pertuturan pelajar dapat dilihat dalam jadual 16 di bawah:

Reaksi Pelajar	Kumpulan Sampel			
	L	P	Jumlah	Peratus
Bahasa Standard	3	3	6	12.0
Loghat daerah	15	27	42	84.0
Campuran	2	-	2	4.0
Jumlah	20	30	50	100.0

Jadual 16: Bahasa Pertuturan seharian pelajar.

Jadual di atas menunjukkan reaksi pelajar apabila soalan mengenai pertuturan diajukan kepada mereka. Hasil daripada soal selidik adalah didapati bahawa daripada seramai 50 pelajar yang dikaji didapati 6 pelajar menyatakan mereka menggunakan bahasa standard. Jumlah itu merupakan 12% daripada bilangan pelajar.

Sementara 42 orang iaitu 84% menyatakan mereka menggunakan loghat daerah dalam pertuturan sementara 2 orang atau 4% tidak menjawab. Selepas soal selidik didapati kedua-dua pelajar ini menggunakan campuran bahasa standard dan tidak standard dalam pertuturan mereka seharian.

4.3.3 Masalah dalam Menguasai Bahasa Melayu.

Penguasaan yang sempurna merupakan salah satu faktor yang membolehkan pelajar menggunakan laras ekonomi secara berkesan. Dengan menguasai bahasa yang baik pelajar akan dapat mengetahui, memahami dan menyampaikan maklumat dengan baik. Ringkasan kajian mengenai masalah penguasaan bahasa ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Reaksi Pelajar	Kumpulan Sampel			
	L	P	Jumlah	Peratus
Bermasalah	10	9	19	38.0
Tidak bermasalah	10	21	31	62.0
Jumlah	20	30	50	100.0

Jadual 17: Masalah dalam Menguasai Bahasa Melayu

Berdasarkan jadual di atas, didapati 19 orang daripada 50 orang pelajar yang dikaji memberi jawapan bahawa mereka bermasalah dalam menguasai Bahasa Melayu. Bilangan ini melibatkan 38% daripada jumlah pelajar yang dikaji. Sementara bilangan pelajar yang menjawab mereka tidak bermasalah ialah seramai 31 orang pelajar iaitu meliputi 62.0%. Daripada jumlah 19 orang yang menyatakan mereka bermasalah, 10 orang adalah terdiri daripada pelajar lelaki sementara 9 orang adalah pelajar perempuan. Daripada 31 pelajar yang menjawab mereka tidak bermasalah pula, 10 merupakan sampel lelaki dan 21 merupakan sampel perempuan.

4.3.4 Masalah dalam Memahami Istilah.

Dalam penggunaan laras ekonomi, terdapat banyak istilah yang perlu difahami oleh pelajar. Kefahaman terhadap sesuatu istilah dengan betul membolehkan penggunaan laras ekonomi digunakan dengan tepat dan berkesan. Di dalam laras ekonomi terdapat dua

istilah yang perlu difahami oleh pelajar iaitu istilah tempatan dan istilah pinjaman.

Contoh istilah tempatan: pilihan, kos lepas, isi rumah.

Contoh istilah pinjaman: kos, mekanisme harga

Ringkasan pemahaman pelajar terhadap istilah dalam penggunaan laras ekonomi dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Reaksi Pelajar	Kumpulan Sampel			
	L	P	Jumlah	Peratus
Sukar memahami istilah	11	20	31	62.0
Mudah memahami istilah	9	10	19	38.0
Jumlah	20	30	50	100.0

Jadual 18: Masalah Memahami Istilah Ekonomi.

Berdasarkan jadual di atas didapati daripada 50 sampel yang dikaji 31 sampel menyatakan mereka sukar memahami istilah ekonomi sementara 19 sampel menyatakan mereka mudah memahami istilah ekonomi. Daripada 30 sampel yang menghadapi masalah dalam memahami istilah

11 orang daripadanya adalah lelaki dan 20 orang adalah perempuan. Daripada kajian soalan objektif yang dilakukan menunjukkan kebanyakan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ialah dalam soalan yang berkaitan dengan istilah. Contoh kesilapan istilah yang dilakukan ialah istilah 'mekanisme harga', 'upah benar', 'pelepasan', 'kos berubah' dan lain-lain.

4.3.5 Penggunaan Bahasa oleh Guru yang mengajar Ekonomi Asas.

Guru merupakan faktor penting yang mempengaruhi pelajar. Apa yang dikatakan oleh guru biasanya akan diikuti oleh pelajar walaupun ia merupakan suatu kesalahan. Penggunaan bahasa guru dalam menyampaikan sesuatu pelajaran akan turut mempengaruhi murid. Untuk melihat peranan pengaruh guru dalam mempengaruhi penguasaan bahasa, di bawah ditunjukkan reaksi pelajar mengenai penguasaan bahasa guru.

Reaksi Pelajar	Kumpulan Sampel			
	L	P	Jumlah	Peratus
Guru guna bahasa standard	9	18	27	54.0
Guru guna loghat daerah	11	12	23	46.0
Campur	-	-	-	
Jumlah	20	30	50	100.0

Jadual 19: Penggunaan Bahasa Guru.

Berdasarkan jadual di atas didapati daripada 50 pelajar yang dikaji 27 pelajar menyatakan guru mereka menggunakan bahasa standard dalam pengajaran mereka manakala 23 pelajar iaitu 46.0% menyatakan guru mereka tidak menggunakan bahasa standard tetapi loghat daerah.